

24 FEB 2003

NAM-Mahathir (Perang)/I

HARAMKAN PEPERANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Sambil menegaskan bahawa dunia patut dibebaskan daripada belenggu kepercayaan lapuk bahawa membunuh manusia boleh menyelesaikan masalah hubungan antara negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang disuburkan semula supaya berjuang mengharamkan peperangan.

"Peperangan patut diharamkan. Ia harus menjadi perjuangan kita sekarang. Kita harus berjuang demi keadilan dan pembebasan daripada penindasan, dari kekuasaan ekonomi.

"Tetapi kita patut mengeneipkan ancaman peperangan terlebih dahulu. Dengan ancaman perang yang membayangi kita, kita langsung tidak akan berjaya dalam memajukan kepentingan negara kita," kata Perdana Menteri pada perasmian Sidang Kemuncak ke-13 NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang mengambil alih jawatan penegrusi NAM daripada Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, berkata pergerakan itu patut berusaha untuk mengharamkan senjata nuklear, menghentikan penyelidikan dan pembangunan lebih banyak kononnya senjata konvensional yang membawa maut dan perdagangan senjata.

"Kita tahu yang kita lemah. Tetapi kita juga tahu kita mempunyai sekutu di Utara. Mereka juga mahu peperangan dihapuskan, pembunuhan kejam manusia atas apa jua alasan.

"Mereka mungkin tidak bersetuju dengan kita dalam semua perkara, tetapi dalam menentang peperangan, begitu banyak yang akan bersama kita. Mereka bersedia untuk menentang pemimpin mereka yang sukakan peperangan. Kita harus berusaha bersama mereka," katanya pada sidang kemuncak yang diadakan berlatarbelakang bayangan perang yang diketuai Amerikat Syarikat terhadap Iraq, sebuah negara anggota NAM.

Beliau berkata NAM patut berusaha bagi sebuah order baru dunia dengan amalan demokrasi tidak hanya terhad kepada pentadbiran dalaman negara sebaliknya pentadbiran dunia.

Sambil mengingatkan hadirin bahawa NAM bukannya tidak relevan atau ketinggalan zaman, Dr Mahathir berkata pergerakan itu mempunyai wawasan untuk membina sebuah order baru dunia yang lebih adil dan saksama.

Atas sebab-sebab ini, beliau berkata, NAM yang berusia 47 tahun itu haruslah disuburkan semula yang hanya boleh dicapai dengan merapatkan barisan dan melakukan tindakan bersama.

Sidang kemuncak itu juga menyaksikan penerimaan masuk Timor Leste serta Saint Vincent and the Grenadines, menjadikan jumlah keanggotaan pergerakan itu kepada 116, kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Berucap di hadapan raja dan presiden, Dr Mahathir berkata sidang kemuncak NAM ke-13 di Kuala Lumpur dianjurkan di saat paling genting ketika dunia hidup dalam ketakutan akibat serangan pengganas di Amerika pada 11 Sept 2001 yang membunuh beribu-ribu manusia.

Dengan cara biasanya yang lantang dan berterus terang, beliau berkata: "Kita takutkan semua benda. Kita takut terbang, takutkan negara tertentu, takutkan lelaki Asia yang berjambang, takutkan kasut yang dipakai penumpang pesawat, surat-surat dan bungkusan yang mengandungi serbuk putih.

"Negara-negara dituduh melindungi pengganas, rakyat mereka, yang tidak bersalah atau sebaliknya, turut takut. Mereka takutkan peperangan, dibunuh atau dicatitkan oleh bom yang digugurkan ke atas mereka, oleh peluru berpandu yang dilancarkan dari beratus batu jauhnya oleh kuasa yang tidak

dilihat.

"Mereka takut kerana mereka akan menjadi sandaran untuk dibunuh kerana mereka menjadi penghalang kepada pemusnahan negara mereka."

Sambil menarik perhatian bahawa nyawa setiap manusia adalah suci, tidak kira seseorang itu kawan atau musuh, Dr Mahathir berkata disebabkan itulah peperangan bukannya penyelesaian.

Perdana Menteri menegaskan bahawa keagungan sebuah negara haruslah berasaskan sebuah budaya yang menghargai kualiti moral yang tinggi, estetika, pembelajaran dan kemajuan dalam sains.

"Malangnya, beribu-ribu tahun selepas Zaman Batu, kita masih mengukur keagungan sebuah negara dengan keupayaan membunuh kejam sejumlah besar manusia," katanya.

Dr Mahathir memberikan kilasan bagaimana dunia menjadi kucar kacir kerana negara-negara di seluruh dunia menjadi leka dengan keganasan, membelanjakan trilion dollar untuk meningkatkan keselamatan tetapi masih tidak mampu untuk menghentikan tindakan keganasan.

Sambil mengutarakan satu persoalan sukar kepada para pemimpin NAM, beliau berkata: "Kenapa wujudnya keganasan? Adakah benar orang Islam dilahirkan sebagai penganas kerana mengikut ajaran nabi yang merupakan seorang penganas? Bagaimana kita hendak menjelaskan pembunuhan kaum, penyiasatan dan kemusnahan yang menggambarkan ciri Kristian Eropah selama hampir 2,000 tahun?"

"Kenapa orang Yahudi memilih untuk mencari perlindungan di negara Islam setiap kali Kristian Eropah melakukan pendakwaan terhadap mereka? Adakah manusia mencari tempat selamat di bumi penganas? (Ini) sudah pastinya tidak mungkin."

Dr Mahathir menjelaskan bahawa orang Kristian diganasi bukan oleh orang Islam, tetapi oleh rakan Kristian yang mengutuk mereka mengamalkan fahaman menyeleweng, dan mereka didakwa, diseksa serta dipaksa berhijrah kerana kepercayaan mereka.

Ini, katanya jelas menunjukkan bahawa orang Islam tidak memonopoli keganasan, tentunya tidak sehingga pada ukuran melakukan kemusnahan, pembunuhan kaum dan soal siasat.

"Jadi tidak mungkin orang Islam merupakan satu-satunya punca bagi semua masalah ini," katanya sambil menegaskan bahawa beliau juga tidak percaya bahawa teori keganasan adalah berpunca daripada pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun Yahudi-Kristian.

"Terus terang saya katakan ia disebabkan oleh kembalinya sifat lama Eropah yang mahu menguasai dunia. Dan pernyataan sifat itu setiap kali melibatkan ketidakadilan dan penindasan manusia dari asal usul etnik dan warna kulit berbeza," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan kembali mereka yang hadir bahawa tidak berlaku kempen keganasan yang sistematik di luar Eropah sehingga rakyat Eropah dan Yahudi mewujudkan sebuah negara Yahudi daripada bumi Palestin.

Dalam menentang penindasan Israel dan untuk mendapatkan semula tanah mereka, beliau berkata rakyat Palestin terpaksa mengambil jalan keluar dengan pertamanya melakukan peperangan konvensional, kemudian bantahan sivil, demonstrasi ganas dan akhirnya apa yang dikatakan sebagai tindakan keganasan.

Dr Mahathir berkata ini terus dikutuk oleh dunia dan rakyat Palestin menjadi kecewa apabila dunia tidak mengutuk sebagai satu tindakan keganasan terhadap perbuatan yang lebih menggerunkan dilakukan oleh penduduk Israel, sambil memberi contoh pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila, kanak-kanak yang ditembak dan dibunuh, tindakan meradak dengan jentolak rumah-rumah rakyat Palestin semasa penghuninya masih berada di dalamnya.

Sikap pilih kasih yang terang-terangan inilah, katanya, yang membangkitkan kemarahan orang Islam sehingga mereka melancarkan serangan

ganas sendiri.

"Bukannya perbezaan agama yang menjadi kemarahan penyerang Pusat Dagangan Dunia (di New York). Ia semata-mata kerana perasaan simpati dan kemarahan terhadap rampasan yang dilakukan ke atas bumi Palestin, terhadap ketidakadilan dan penindasan rakyat Palestin serta umat Islam di mana jua," katanya.

Dr Mahathir juga berkata penindasan dan ketidakadilan tidak hanya terhad kepada melancarkan perang dan membunuh manusia tetapi juga melibatkan penyebaran ideologi bahawa hanya sebuah sistem kerajaan demokratik yang dibenarkan sekarang.

"Kami akui bahawa ia setakat ini ialah sistem terbaik sesebuah kerajaan. Tetapi mengenakan sekatan, membiarkan rakyat kebuluran, menafikan akses bagi ubat-ubatan hanya untuk memaksa penerimaan terhadap demokrasi bukanlah suatu yang demokratik," katanya.

Dr Mahathir berkata sejak 11 Sept, negara kaya dan berkuasa telah menjadi berang terhadap separuh daripada dunia yang miskin dan langkah ekstrem mereka untuk memastikan keselamatan diri mereka, hanya menambahkan lagi kemarahan negara miskin yang tertindas.

Beliau berkata kedua-dua pihak kini marah membuta tuli dan cenderung untuk melakukan peperangan yang tidak akan menyelesaikan apa-apa.

Perdana Menteri berkata para pemimpin NAM harus mengakui bahawa pergerakan itu tidak efektif seperti yang sepatutnya, dan para pemimpinnya mungkin memilih untuk kekal tidak terlibat bagi mengelak menimbulkan perasaan kurang senang negara-negara besar.

"Tetapi rakyat kita menjadi resah. Mereka mahu kita melakukan sesuatu. Jika kita tidak, maka mereka akan melakukannya, dan mereka akan menentang kita. Mereka akan bertindak sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata penjahat pada 11 Sept, dengan melakukan tindakan mereka, telah mengeneipkan semua sekatan di negara-negara Utara yang kini tidak lagi menghormati garis sempadan, undang-undang antarabangsa atau malahan nilai moral yang mudah.

Mereka kini memperkatakan mengenai penggunaan penguasaan tentera untuk menukar kerajaan dan malahan bercakap mengenai penggunaan senjata nuklear, katanya.

"Ia bukan lagi merupakan satu peperangan menentang keganasan. Ia malahan satu peperangan untuk menguasai dunia...NAM mempunyai banyak masalah dan isu yang perlu ditangani.

"Tetapi buat masa ini, ancaman paling penting yang kita hadapi ialah kecenderungan kuasa besar untuk melancarkan peperangan apabila menghadapi tentangan untuk memperluaskan penguasaan mereka. Kita tidak boleh berlawan perang dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata nasib baik banyak negara di Utara juga sudah jelik dengan peperangan dan telah keluar berjuta ramainya untuk membantah dasar sukakan perang para pemimpin mereka.

"Kita patut menyertai mereka. Kita patut menyertai perjuangan mereka dengan keseluruhan kekuatan moral yang kita ada," katanya sambil berkata sebarang usaha untuk mengharamkan peperangan hendaklah dikuatkuasakan oleh kuasa pelbagai hala di bawah kawalan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Sambil mengulangi pendiriannya bahawa PBB patut diperbaharui, Dr Mahathir berkata badan dunia itu tidak harus lagi terikat dengan hasil peperangan dunia yang berlaku lebih separuh abad yang lalu.

Beliau berkata adalah hak agensi antarabangsa dalam sebuah dunia globalisasi untuk mengawasi hak asasi manusia, amalan perniagaan dan jenis demokrasi yang diamalkan negara-negara, maka sebuah agensi antarabangsa yang benar-benar terikat hanya kepada Perhimpunan Agung PBB, yang patut memantau belanjawan ketenteraan semua negara.

"Semasa Jepun dikalahkan, ia dibenarkan membelanjakan hanya satu peratus daripada Keluaran Negara Kasarnya terhadap angkatan tenteranya. Jika syarat sedemikian boleh dikenakan terhadap Jepun, kenapa pula tidak boleh dikenakan ke atas semua negara," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam perjuangan untuk mengharamkan peperangan dan mengawal senjata, nuklear serta konvensional, NAM akan mendapat sokongan yang meningkat daripada kebanyakan rakyat di Utara.

"Ia bagaimanapun satu tugas yang menggentarkan. Tetapi kecuali kita berpadu atas semangat kuat sekarang, kita akan menanti dengan sia-sia negara berkuasa di Utara untuk secara sukarela menghentikan tindakan membunuh kejam manusia atas alasan demi kepentingan negara," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM RON